

→MUKA DUA

Malaysia sedia bantu India siasat kes Zakir Naik

→ Bantuan perundangan diberi jika ada permintaan New Delhi: TPM

Oleh Irwan Shafriyan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia sedia bekerjasama sekiranya Kerajaan India meminta bantuan negara ini dalam siasatan terhadap pendakwah antarabangsa, Dr Zakir Naik, berkaitan dakwanan hasutan keganasan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, siasatan tidak boleh dibuat oleh Malaysia, tetapi oleh negara yang membuat dakwaan dan manu siasatan dilakukan terhadap pendakwah terbabit.

"Ini bukan soal menyerahkan dia (Zakir), tetapi soal siasatan (berhubung dakwaan keganasan). Kita ikut sistem perundangan negara ini dan rangka hubungan diplomatik yang ada dengan mana-mana negara, jika ada permintaan

(bantu siasatan), kita akan ber kerjasama penuh."

"Siasatan tidak boleh dibuat pi hak Malaysia, tetapi bantuan per undangan bersama (MLA) boleh diperoleh jika negara itu mem punyai hubungan dan perjanjian dengan Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ekologi Manusia Ant arabangsa anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Notis INTERPOL

Baru-baru ini, Agensi Siasatan Ke bangsaan India (NIA) memutuskan untuk mendapatkan notis IN TERPOL terhadap Dr Zakir bagi menghalang pergerakannya keluar dari Arab Saudi selepas ingkar saman berulang kali terhadapnya supaya satu siasatan dibuat.

Dr Zakir didakwa menghasut generasi muda Islam untuk ter babit dalam keganasan selain me nganjurkan permusuhan antara



Ahmad Zahid bersama Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (kiri) dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Laily Paim melancarkan Persidangan Antarabangsa Ekologi Manusia di Putrajaya, semalam.



Saya ingin mengesahkan bahawa Dr Zakir penduduk tetap tetapi bukan warga Malaysia, status terbabit diberikan lebih lima tahun lalu, sebelum saya menjadi Menteri Dalam Negeri"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

masyarakat berdasarkan agama dan kaum.

Malah, Dr Zakir pada sidang media selepas satu persidangan di Malaysia Ahad lalu, dilaporkan meminta pihak berkuasa India untuk datang mencarinya di Malaysia dan beliau juga tekad tidak akan menyerah diri kepada NIA kerana mendakwa bimbang akan diseksa seandai ditahan.

Ahmad Zahid menegaskan, Ma laysia tidak boleh melakukan tin dakan ekstradisi Dr Zakir kepada negara yang menjalankan siasatan kerana pendakwah itu tidak tinggal di Malaysia, sebaliknya hanya memiliki status penduduk tetap (PR).

"Saya ingin mengesahkan bahwa dia penduduk tetap tetapi bukan warga Malaysia, status terbabit diberikan lebih lima tahun lalu, sebelum saya menjadi Menteri Dalam Negeri. Dia hanya ada PR, dia juga tinggal di beberapa negara lain dan terpulang kepada kera

jaan India untuk memohon kerjasama dengan mana-mana negara," katanya.

Mengulas perkembangan status Kedutaan Malaysia di Korea Utara, beliau berkata perkara itu akan dibincangkan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Luar, Datuk Seri Ani fah Aman.

Bahaya salah guna media sosial

Dalam perkembangan lain, Ah mad Zahid berkata media sosial boleh menjadi satu bentuk revolu si budaya berbahaya yang mam pu merosakkan ekosistem seandainya tidak digunakan secara bijak dan positif.

"Perantaraan yang ditawarkan media sosial menjadi pentas untuk menyebarkan fahaman tidak ber moral, ruang untuk mempromosi kegiatan keganasan, propaganda, kebencian dan penyebaran pem bohongan," katanya.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Untuk video layari
www.bharian.com.my